

# Kejayaan penyenaraian pertama Ekuinas

ICON Offshore Berhad (Icon Offshore), syarikat portfolio milik Ekuini Nasional Berhad (Ekuinas) adalah lambang kejayaan syarikat keusahawanan Bumiputera yang dinaik taraf kepada sebuah entiti korporat tersenari.

Syarikat ini merupakan syarikat penyedia perkhidmatan khusus kapal sokongan luar pesisir (OSV) terbesar di Malaysia dan telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia.

Kejayaan Icon Offshore adalah hasil pemudah cara yang dilaksanakan dan dikendalikan oleh Ekuinas untuk mewujudkan nilai dalam syarikat gabungan antara Tanjung Kapal Services Sdn. Bhd. (TKS) dan OMNI Petromaritime Sdn. Bhd. (OMNI).

Pengarah Urusan Pelaburan Ekuinas, **Syed Yasir Arafat Syed Abd. Kadir** berkata: "Ekuinas memulakan pelaburan dalam portfolio minyak dan gas apabila kami melabur dalam Tanjung Offshore Berhad (Tanjung)."

Katanya, Tanjung mempunyai pelbagai aktiviti perniagaan berbeza dan bagi menyelaras aktiviti syarikat supaya menjadi lebih fokus, Ekuinas telah memudah cara penstrukturkan komprehensif semula Tanjung menerusi proses pemisahan (*de-merger*) perniagaan perkhidmatan marin iaitu TKS dan perkhidmatan bukan marinnya yang lain.

Dengan mandat untuk mewujudkan syarikat-syarikat gergasi Bumiputera, Ekuinas seterusnya memberi tumpuan penuh kepada pasaran OSV melalui penggabungan strategik kedua-dua buah syarikat OSVnya iaitu TKS dan OMNI menjadi Icon Offshore, sebuah syarikat OSV ketiga terbesar di Malaysia," katanya yang terlibat secara langsung dalam proses penggabungan tersebut sehinggalah Icon Offshore disenaraikan.

Jelas beliau, OSV memerlukan perbelanjaan modal yang intensif dan membangunkan perniagaan secara bersendirian adalah sukar, justeru itu, penyertaan Ekuinas dapat memudah cara kerana firma ekuiti persendirian ini mempunyai sumber dan kepakaran untuk menyokong perniagaan tersebut.

Ekuinas membantu memudah cara dalam menyusun strategi bagi menyokong perniagaan dengan menaik taraf sistem, memperkasaikan sumber manusia, memperkuuhkan fungsi kewangan, melaksanakan kertas penilaian, pemilihan modal insan, latihan, memastikan pelaksanaan tadbir urus korporat dan sebagainya.

Peranan memudah cara ini



**DARI kanan, Jamal Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, Syed Yasir dan Hassan Ali pada hari penyenaraian Icon Offshore di Papan Utama Bursa Malaysia, bulan Jun lalu.**

tidak bermakna Ekuinas campur tangan dalam urusan operasi harian syarikat secara total tetapi memantau untuk memastikan syarikat beroperasi pada landasan yang betul.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Icon Offshore, **Dr. Jamal Yusof**, pencapaian dan prestasi Icon Offshore pada hari ini merupakan kejayaan kerjasama antara Ekuinas dan syarikat OSV tersebut yang kini mengorak langkah untuk menjadi juara serantau.

Beliau yang dahulunya Ketua Pegawai Eksekutif OMNI menambah: "Ekuinas telah membantu dalam memudah cara proses penggabungan tersebut kerana menggabungkan dua buah syarikat Bumiputera yang mempunyai pengurusan dan budaya berbeza bukanlah sesuatu yang mudah."

Timbalannya, **Kapten Hassan Ali** yang dahulunya Ketua Pegawai Eksekutif TKS menambah: "Penggabungan ini bukan sahaja membantu syarikat berkembang dengan lebih cepat dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kos, tetapi turut memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan untuk memegang ekuiti dalam syarikat tersenari yang berjaya."

Selepas penyenaraian di Bursa Malaysia pada bulan Jun lalu, Icon Offshore yang memiliki 32 buah kapal, juga antara operator OSV terbesar di ASEAN kini giat meluaskan langkahnya merentasi geografi serta menambah dan mempelbagaikan aset.

Peluasan operasi Icon Offshore ke luar negara memang selari dengan matlamat awal syarikat memandangkan peluang cukup kondusif di mana syarikat itu sebelum ini pernah mendapat kontrak di rantau Asia dan Timur Tengah.

Syed Yasir memberitahu, Ekuinas akan memastikan Icon Offshore memiliki landasan kukuh agar kemampanan perniagaan syarikat akan diteruskan selepas tamat tempoh pelaburan Ekuinas.

Persediaan itu cukup penting untuk memastikan Icon Offshore terus berkembang dan kekal kukuh selepas tempoh lima tahun penyertaan Ekuinas berakhir.

Berdasarkan pengalaman di Icon Offshore, Syed Yasir berkata, syarikat Bumiputera yang bermula dari bawah menyaksikan kekangan utama mereka adalah modal dan mendapatkan sokongan. Ia merupakan isu besar bagi syarikat Bumiputera.

Selain itu, syarikat-syarikat Bumiputera yang berpotensi tinggi sukar mendapat modal insaan terbaik daripada syarikat besar jika hanya mendapat keuntungan RM20 juta hingga RM30 juta kerana rata-rata mereka mahu bekerja dengan syarikat ternama.

Syarikat-syarikat Bumiputera juga dilihat sukar untuk melabur dalam teknologi maklumat sedangkan perkara itu perlu tetapi mereka tidak nampak ia sebagai satu keperluan.

"Jadi, inilah peranan Ekuinas. Kami membantu menyusun strategi, hala tuju dan menyelaraskan agar syarikat-syarikat yang bersaiz sederhana ini mampu dilonjakkan nilainya dan mencapai pertumbuhan mampan."

"Kami berharap agar lebih banyak syarikat Bumiputera akan lebih terbuka kepada aktiviti penggabungan seperti Icon Offshore dan pintu kami sentiasa terbuka untuk bertemu dengan syarikat yang berminat," ujarnya.

Icon Offshore merupakan kejayaan penyenaraian pertama Ekuinas dan kami berharap dapat mereplika lebih banyak kejayaan seperti ini, sebagai contohnya, kumpulan pendidikan Ekuinas, ILMU Education Group.



**SYED YASIR ARAFAT**